

03 JUL 2002

Negara-Amerika

AMERIKA SYARIKAT KINI MEMANDANG POSITIF TERHADAP MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Amerika Syarikat kini memandang positif terhadap Malaysia sebagai sebuah negara Islam serta kepimpinannya terutama selepas pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden George W Bush Mei lepas, persidangan Dewan Negara diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad berkata setelah pertemuan itu pentadbiran Amerika Syarikat kini memandang positif terhadap perkembangan yang berlaku di Malaysia.

Menjawab soalan Senator Rosli Mat Hassan, beliau berkata kedua-dua negara telah menyatakan harapan agar hubungan dua hala yang kadangkala dingin dapat dipulihkan semula.

"Lawatan itu telah dapat merapatkan jurang politik dan meningkatkan suasana muhibah dan wujudkan suasana politik yang positif antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

"Ini termasuk usaha menangani isu keganasan antarabangsa di mana kedua-dua pihak menandatangani perjanjian kerjasama menangani keganasan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata pada pertemuan itu juga kedua-dua pihak bersetuju mengenai pentingnya perdagangan dan kerjasama ekonomi dalam hubungan dua hala.

Kedua-dua negara berhasrat meningkatkan lagi penglibatan sektor swasta dalam pelbagai bidang seperti teknologi maklumat dan ekonomi berasaskan pengetahuan, katanya.

Timbalan Menteri itu juga berkata pertemuan itu juga menjadi petanda bahawa Perdana Menteri telah diiktiraf sebagai pemimpin dunia Islam yang agung yang boleh dibawa berunding dan memberi pandangan yang seimbang terhadap isu antarabangsa.

Beliau berkata pertemuan itu jelas membuktikan pengiktirafan sebuah negara kuasa dunia terhadap kepimpinan Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin yang tegas ketika menyatakan pendirian terhadap isu-isu antarabangsa.

-- BERNAMA

AKT AKT RHM